

ATACAND TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Candesartan cilexetil (8mg, 16mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atacand
2. Bagaimana Atacand berfungsi
3. Sebelum mengambil Atacand
4. Cara menggunakan Atacand
5. Semasa menggunakan Atacand
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara menyimpan & pelupusan Atacand
8. Maklumat lanjutnya
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Atacand

Atacand ialah sejenis ubat yang digelar antagonis reseptor angiotensin II. Dengan menyekat kesan hormon angiotensin II, salur darah akan mengendur dan mengembang. Ini menurunkan tekanan darah dan memudahkan jantung mengepam darah ke semua bahagian badan.

Bagaimana Atacand berfungsi

Atacand digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi) pada orang dewasa. Ubat ini juga dimakan untuk merawat masalah jantung yang disebut kegagalan jantung pada orang dewasa, iaitu jantung tidak mengepam darah ke seluruh tubuh dengan sebaik yang sepatutnya.

Sebelum mengambil Atacand

Jangan makan Atacand jika anda hamil, anda rasa anda mungkin hamil atau anda bercadang hendak menjadi hamil. Anda mesti beritahu doktor jika anda rasa anda hamil atau jika anda rasa anda mungkin akan menjadi hamil. Atacand boleh menyebabkan mudarat yang serius malah

maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil (lihat bahagian tentang Kehamilan).

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan.
- Jika anda alah terhadap mana-mana ramuan Atacand.
- Penting: Anda tidak boleh memakan Atacand jika anda pernah menghadapi masalah kerana memakan ubat yang mengandungi candesartan cilexetil.

Berhati-hati apabila memakan Atacand

Sebelum mula mengambil

Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi:

- Jika anda menghidap penyakit jantung, hati atau ginjal (buah pinggang).
- Jika anda tidak dapat menahan laktosa.
- Jika anda muntah-muntah atau cirit-birit.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang memakan atau baru-baru ini ada memakan ubat lain, termasuklah ubat yang diperoleh tanpa dipreskripsi

- Jika anda menggunakan ubat lain untuk menurunkan tekanan darah, khususnya bahan diuretik (penyurut cecair).
- Jika anda menggunakan ubat lain, termasuklah yang anda beli tanpa preskripsi.
- Jika anda sedang memakan litium.
- Jika anda sedang memakan ubat antiradang bukan steroid (NSAID).
- Jika anda sedang memakan bahan diuretik pengekal kalium, makanan

penambah kalium atau pengganti garam.

Penggunaan oleh kanak-kanak
Keselamatan dan keberkesanan Atacand belum ditubuhkan pada kanak-kanak dan remaja (bawah 18 tahun).

Cara menggunakan Atacand

Berapa banyak harus digunakan & bila perlu digunakan

Untuk merawat tekanan darah tinggi

Dos yang lazimnya diberikan bagi orang dewasa ialah satu tablet 8mg sehari. Doktor mungkin akan meninggikan dos kepada satu tablet 16mg atau satu tablet 32mg sekali sehari. Sebaik-baiknya, makanlah tablet ini pada masa yang sama setiap hari, contohnya pada waktu pagi. Jika anda mengalami masalah ginjal yang teruk atau masalah hati yang teruk, doktor mungkin akan menetapkan dos yang lebih rendah.

Untuk merawat kegagalan jantung

Dos permulaan yang lazimnya diberikan ialah satu tablet 4mg yang dimakan setiap hari. Dos ini digandakan sekurang-kurangnya setiap dua minggu kepada dos sasaran 32mg atau dos tertinggi yang dapat ditahan.

Berapa lama perlu digunakan
Makanlah Atacand seperti yang diarahkan oleh Pengamal Perubatan yang menjaga anda. Jangan berhenti memakannya tanpa berbincang dengan Pengamal Perubatan anda dahulu.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa memakan satu dos, makan sahaja dos yang seterusnya seperti biasa. Jangan makan tablet tambahan

untuk menggantikan dos yang tertinggal itu.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda memakan lebih daripada bilangan tablet yang diarahkan (terlebih dos), hubungilah doktor atau ahli farmasi dengan segera.

Semasa menggunakan Atacand

Perkara yang perlu dilakukan

Anda mesti terus memakan Atacand setiap hari mengikut arahan doktor. Arahan pada label boleh mengingatkan anda tentang apa yang dipesan oleh doktor. Cubalah makan tablet ini pada masa yang sama setiap hari. Tidak penting sama ada Atacand ditelan sebelum ataupun selepas makan. Atacand biasanya tidak disyorkan untuk kanak-kanak. Jika anda merasakan bahawa kesan Atacand terlalu kuat ataupun terlalu lemah, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti memakannya tanpa berbincang dengan Pengamal Perubatan anda dahulu.

Jika anda terlupa memakan satu dos, makan sahaja dos yang seterusnya seperti biasa. Jangan makan tablet tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal itu.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memakan Atacand berserta makanan dan minuman

Tidak penting sama ada anda menelan tablet ini berserta ataupun tanpa makanan.

Kehamilan

Anda tidak boleh memakan Atacand jika anda hamil, anda rasa anda mungkin hamil atau anda bercadang hendak menjadi hamil. Anda mesti beritahu doktor jika anda rasa

anda hamil atau jika anda rasa anda mungkin akan menjadi hamil. Doktor akan menyuruh anda berhenti memakan Atacand sebelum anda menjadi hamil atau sebaik sahaja anda tahu anda hamil dan mungkin akan menyarankan anda memakan ubat selain Atacand. Atacand boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil.

Menyusukan anak dengan susu badan

Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan atau bercadang untuk menyusukan anak dengan susu badan. Atacand tidak boleh digunakan oleh ibu yang sedang menyusukan anak dengan susu badan.

Anestesia dan pembedahan

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu doktor atau doktor gigi yang merawat anda itu bahawa anda sedang memakan Atacand. Apabila digabungkan dengan sesetengah jenis bahan anestetik, Atacand boleh menurunkan tekanan darah.

Memandu dan mengendalikan jentera

Rawatan tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung boleh menyebabkan sesetengah pesakit berasa pening atau tidak bermaya. Pastikan anda tidak terjejas begini sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan Sampingan

Sama seperti semua ubat lain, sesetengah pengguna Atacand mungkin mengalami kesan yang tidak diingini, yang biasanya ringan dan akan hilang tidak lama kemudian. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini ataupun simptom lain yang luar biasa

atau yang tidak dijangka, bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi.

Kesan sampingan yang lazim berlaku (1% pesakit atau lebih tetapi kurang daripada 10%)

- Pening (terutamanya pada pesakit yang menghidap kegagalan jantung).
- Kemerosotan fungsi ginjal (terutamanya pesakit yang menghidap penyakit ginjal atau kegagalan jantung) yang dapat dikesan dengan ujian darah.

Kesan sampingan yang sangat jarang-jarang berlaku (kurang daripada 0.01% pesakit)

- Bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, ruam, gegata, gatal-gatal, jaundis (kulit dan/atau mata menjadi kuning). Jika anda mengalami bengkak-bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, atau jika anda mengalami jaundis, hubungilah doktor dengan segera.
- Sakit belakang.
- Batuk-batuk
- Perubahan pada fungsi hati, termasuklah radang hati.

Perubahan mungkin berlaku pada sel darah merah atau putih, ataupun pada bahagian-bahagian darah yang lain. Doktor mungkin akan mengambil sampel darah dari semasa ke semasa untuk menentukan sama ada Atacand ada kesan terhadap darah. Kadangkala, perubahan ini mungkin dinampakkan sebagai rasa letih atau sakit tekak.

Anda boleh melaporkan kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui talian: 03-78835550, ataupun dengan melayari laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara menyimpan & pelupusan Atacand

Jangan makan tablet ini selepas tarikh luputnya yang tertera pada papan lepuhnya dan pada kartonnya.

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat, jauh daripada capaian kanak-kanak.
- Simpan ubat ini pada suhu yang kurang daripada 30°C.
- Ingatlah untuk memulangkan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi.
- Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa & warna Atacand

Tablet Atacand disediakan dengan dua kekuatan, iaitu yang mengandungi sama ada 8mg atau 16mg candesartan cilexetil.

- Tablet 8mg berwarna merah jambu muda, berbentuk bulat dwikonveks, bergaris dan ditandai A/CG pada sebelah permukaannya dan 008 pada sebelah lagi.
- Tablet 16mg berwarna merah jambu, berbentuk bulat dwikonveks, bergaris dan ditandai A/CH pada sebelah permukaannya dan 016 pada sebelah lagi.

Tablet Atacand 8mg dan 16mg disediakan di dalam pek yang mengandungi 30 tablet pada dua papan lepuh berisi 15 tablet setiap satu.

Bahan-bahan kandungan

Bahannya yang aktif ialah candesartan cilexetil.

Bahan-bahannya yang lain ialah Polyethylene glycol 8000, Hydroxypropylcellulose, Iron oxide reddish brown, CI 77491, Lactose monohydrate, Calcium carboxymethylcellulose, Maize Starch & Magnesium stearate.

Nombor pendaftaran:

8mg: MAL20001218AR

16mg: MAL20001219AR

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang:

AstraZeneca AB
15185 Södertälje, Sweden.

Pemegang Pendaftaran

Produk:

AstraZeneca Sdn. Bhd.
Level 12, Surian Tower,
1 Jalan PJU 7/3,
Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:

16 Jul 2013

<Rujukan GEL>

(berdasarkan PI: CV.000-050-145.8.0)